



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
(Ministry of Health Malaysia)  
**BAHAGIAN KEWANGAN**  
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3099 / 3269 / 3032 / 3362  
Faks : 03-8888 4009  
: 03-8883 3677 / 4364 / 4440  
Web : <http://finance.moh.gov.my>

Ruj : KKM.400-3/1/4 Jld.4 ( 5 )  
Tarikh : 16 Januari 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin Seri / Datin / Tuan / Puan

### PELAKSANAAN GARIS PANDUAN BANTUAN ELAUN KASUT BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada Surat Ketua Setiausaha KKM.400-3/1/4 Jld. 2 (7) bertarikh 7 Ogos 2019 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana maklum, YBhg. Datuk / Dato' / Datin Seri / Datin / Tuan / Puan, Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Kebangsaan Bil.1 Tahun 2019 pada 18 Februari 2019 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah bersetuju supaya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipilih bagi melaksanakan projek rintis bagi bayaran pembelian kasut Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diakaunkan terus ke dalam akaun pegawai berkenaan bagi menggantikan kaedah sedia ada yang digunapakai pada masa ini iaitu melalui tuntutan resit. Projek rintis ini adalah dalam tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2022.

3. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Kebangsaan Siri 7 Bil.3/2021 bertarikh 8 Disember 2021 telah memutuskan supaya pelaksanaan projek rintis ini di KKM pada tahun 2023 diteruskan ke suatu tempoh yang akan ditetapkan oleh pihak Kerajaan nanti.

1

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 NO SIJIL : QMS 01919

4. Sehubungan itu, adalah diingatkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KKM sebagaimana **arahan bayaran perlulah diselesaikan selewat-lewatnya pada 30 April tahun semasa.** Memandangkan ini merupakan projek rintis maka satu laporan perlu disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JAR Kebangsaan yang dipengerusikan oleh KSN. Oleh itu, semua PTJ dimohon untuk menghantar laporan kepada **Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), IPKKM dengan menggunakan format yang akan diedarkan oleh BKP.**

5. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DHANESH KUMAR DANESEKARAN)**

## **SENARAI EDARAN IPKKM**

1. Pengarah Kanan (Perkhidmatan Kesihatan Pergigian)
2. Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
3. Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
4. Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
5. Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
6. Setiausaha Bahagian (Kewangan)
7. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
8. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
9. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
10. Setiausaha Bahagian (Pengurusan latihan)
11. Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
12. Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaaan)
13. Setiausaha Bahagian (Akaun)
14. Pengarah (Perkembangan Perubatan)
15. Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)
16. Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan)
17. Pengarah (Kawalan Penyakit)

18. Pengarah (Perancangan)
19. Pengarah (Amalan Perubatan)
20. Pengarah (Sains Kesihatan Bersekutu)
21. Pengarah (Perkembangan Kesihatan Awam)
22. Pengarah (Pemakanan)
23. Pengarah (Perubatan Tradisional dan Komplementari )
24. Pengarah (Kejururawatan)
25. Pengarah (Pendidikan Kesihatan)
26. Pengarah (Kawalselia Radiasi Perubatan)
27. Penasihat Undang-Undang
28. Ketua Audit Dalam
29. Ketua Unit Integriti
30. Ketua Unit Komunikasi Korporat